

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 15 FEBRUARI 2018 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Kawal Selia Sandbox Negara lahir produk Inovasi	Berita Harian
2.	Bilah pisau mesin rumput dihantar ke Jabatan Kimia	Utusan Malaysia
3.	Bilah traktor mesin rumput dihantar ke Jabatan Kimia	Kosmo (Negara)
4.	Pemandu lori tangki minyak maut	Kosmo (Negara)

Ms.28

Khamis, 15 Februari 2018 BH

→ BISNES

Kawal Selia Sandbox Negara lahir produk inovasi

➔ Inisiatif jadikan Malaysia lebih
berdaya saing, tarik pelaburan

Oleh Shahrizan Sallian
shahrizan_sallian@bh.com.my

Pencipta inovasi boleh menguji daya maju penyelesaian atau produk masing-masing dalam satu persekitaran yang kondusif serta selamat, di bawah inisiatif Kawal Selia Sandbox Negara.

Inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan itu membolehkan percambahan minda antara pengawal selia dan peserta beberapa industri terpilih, dalam usaha melahirkan pelbagai produk serta penyelesaian inovatif.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah, berkata inisiatif berkenaan akan membolehkan pengawal selia dan peserta industri berinteraksi bagi membincang

keperluan penyesuaian peraturan serta garis panduan untuk merencanakan industri.

"Ini seterusnya menjadikan negara lebih berdaya saing serta berupaya menarik pelaburan dari dalam dan luar negara," katanya pada taklimat pelaksanaan inisiatif Kawal Selia Sandbox di Putrajaya, semalam.

Minda terbuka terima teknologi
Irwan berkata, di bawah inisiatif itu, golongan pencipta inovasi, korporat serta orang awam boleh mengemukakan penyelesaian atau produk ke sandbox untuk diuji dan jika terbukti sesuai selepas proses eksperimen, ia boleh diluluskan untuk dilaksanakan.

Jika perlu, beliau berkata, undang-undang yang sesuai boleh

dipinda untuk membolehkan pelaksanaan inisiatif baharu.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kerajaan mahu pengawal selia mempunyai minda terbuka terhadap perubahan teknologi yang berlaku dengan pantas dan meminda undang-undang sesuai bagi pelaksanaan inisiatif baharu.

"Bagi pelabur dan usahawan muda serta syarikat pemula niaga untuk memulakan perniagaan, peraturan perniagaan mestilah sesuai dan kondusif untuk mereka beroperasi.

"Kadang kala pengawal selia agak terlambat untuk memperkenalkan akta atau perubahan kawal aturan yang menyebabkan industri tidak boleh beroperasi, seperti perkhidmatan Uber yang memakan masa setahun untuk memperkenalkan

akta berkaitannya," katanya.

Cyberjaya sebagai Makmal Kehidupan

Dalam pada itu, bagi menjadikan Cyberjaya sebagai Makmal Kehidupan, beliau berkata, usaha memabitkan tindakan menaik taraf bandar termasuk infrastruktur, pembayaran menggunakan platform e-pembayaran dan pembangunan kelajuan Internet kepada 5G.

"Minggu depan kita akan umumkan syarikat multinasional yang berminat untuk membangun Cyberjaya sebagai Bandar Raya Pintar dan antara komponennya ialah perkhidmatan Internet 5G," katanya.

Inisiatif Kawal Selia Sandbox Negara dipacu oleh Kementerian Kewangan sebagai gabungan Stra-

tegi Lautan Biru Negara (NBOS) dan Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Sebanyak 17 sektor dikenali pasti termasuk pertanian, bioteknologi, bangunan, pendidikan, tenaga, kewangan, makanan, teknologi hijau, penjagaan kesihatan dan hospitaliti.

Sektor lain adalah bandar raya pintar, sukan, telekomunikasi, pengangkutan, pelancongan, pengurusan air serta pengurusan sisa.

Bagi tujuan ini, Unit Strategi Nasional (NSU) di bawah Kementerian Kewangan bersama Futurise Centre @ Cyberview dan Malaysia Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC) menubuhkan Sekretariat Kawal Selia Sandbox Negara bagi menyelaras tindakan seterusnya bagi memastikan pelaksanaannya berjaya.



Mohd Irwan bersalaman dengan peserta ketika hadir pada taklimat pelaksanaan inisiatif Kawal Selia Sandbox di Putrajaya, semalam.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DLAM NEGERI) : MUKA SURAT 06
TARIKH : 15 FEBRUARI 2018 (KHAMIS)

Bilah pisau mesin rumput dihantar ke Jabatan Kimia

TAMPIN 14 Feb. - Bilah pisau mesin rumput yang menyebabkan kematian seorang pelajar perempuan tingkatan dua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tuanku Abdul Rahman, Gemas dekat sini semalam dihantar ke Jabatan Kimia bagi ujian asid deoksiribonukleik (DNA).

Ketua Polis daerah, Superintenden Hamazah Ab. Razak berkata, peralatan itu akan turut dihantar ke jabatan berkaitan termasuk Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk tujuan analisis bagi membantu siasatan kes tersebut.

"Bilah itu ditemukan di kawasan semak berhampiran kira-kira pukul 2 petang oleh pasukan polis dan forensik. Siasatan diteruskan di bawah Seksyen 304 (a) Kanun Keseksaan," katanya di sini hari ini.

Dalam kejadian pukul 10.30 pagi semalam, pelajar perempuan berusia 14 tahun, Nur Afini Roslan maut akibat dilibas bilah pisau mesin rumput sewaktu menjalani latihan



NUR AFINI ROSLAN

BILAH pisau mesin rumput yang menyebabkan kematian seorang pelajar perempuan SMK Tuanku Abdul Rahman, Gemas, Negeri Sembilan akan dihantar ke Jabatan Kimia bagi ujian DNA.

kawad di padang sekolah itu.

Dua pelajar lelaki berusia 13 dan 14 tahun mengalami kecederaan di belakang kepala dan telinga selepas terkena bilah tersebut yang tercabut lalu melayang ke arah mereka.

Sementara itu, Hamazah memberitahu, pemandu traktor mesin rumput berusia 26 tahun yang ditahan polis sejak semalam telah dilepaskan hari ini selepas polis mengambil keterangannya.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 03
TARIKH : 15 FEBRUARI 2018 (KHAMIS)

Bilah traktor mesin rumput dihantar ke Jabatan Kimia

Oleh ZULKIFLI MANZOR

TAMPIN - Polis telah menghantar bilah pisau traktor mesin rumput yang menyebabkan kematian seorang pelajar perempuan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tuanku Abdul Rahman, Gemas kelmarin ke Jabatan Kimia bagi menjalani analisis ujian asid deoksiribonukleik (DNA).

Ketua Polis Daerah Tampin, Superintendan Hamzah Ab. Razak berkata, barang bukti itu juga akan dihantar ke jabatan berkaitan lain



BILAH pisau traktor mesin rumput ini ditemui polis di padang sekolah di SMK Tuanku Abdul Rahman, Gemas semalam.

termasuk Jabatan Kerja Raya untuk tujuan analisis bagi membantu siasatan kes tersebut.

"Bilah itu ditemui di kawasan semak berhampiran lokasi kejadian kira-kira pukul 2 petang

semalam (kelmarin) oleh pasukan polis dan forensik.

"Pengendali traktor mesin rumput terlibat yang ditahan polis sejurus kejadian telah dilepaskan tengah hari tadi (semalam) dengan jaminan polis selepas diambil keterangan," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Difahamkan, bilah pisau tersebut ditemui kira-kira 300 meter dari lokasi mangsa terkena bilah berkenaan.

Sementara itu, siasatan awal jawatankuasa khas yang dilantik bagi

menjalankan siasatan kejadian tersebut mendapati kontraktor terlibat baru dilantik menjalankan kerja pembersihan di sekolah tersebut pada 1 Januari lalu.

Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Pkharuddin Ghazali berkata, siasatan awal juga mendapati kontraktor yang menjalankan kerja pembersihan di sekolah itu tidak memiliki sebarang rekod buruk.

"Bagaimanapun, sebelum kejadian, guru yang menguruskan aktiviti rapai pelajar sempena hari sukan sekolah telah me-

maklumkan kepada kontraktor mengenai kegiatan itu yang akan bermula pukul 9.30 pagi.

"Mereka (kontraktor) memaklumkan kerja pemotongan akan dilakukan pada jarak yang jauh dari pelajar iaitu 50 meter menyebabkan mereka meneruskan kerja sehinggalah insiden itu berlaku," ujarnya.

Pkharuddin memberitahu, jawatankuasa khas tersebut akan menjalankan siasatan menyeluruh termasuk melihat aspek jentera, peralatan dan kaedah kontraktor menguruskan kerja berkenaan.

Pemandu lori tangki minyak maut

BELURAN – Gara-gara brek gagal berfungsi, seorang pemandu lori tangki minyak maut dipercayai tersepit selepas kenderaan berat yang dipandunya hilang kawalan sebelum terbalik di Kilometer 150, Jalan Beluran-Paitan di sini semalam.

Dalam kejadian pada pukul 7.30 pagi tersebut, mangsa, Lee Nyuk Fook, 53, disahkan maut di tempat kejadian manakala kelindan lori, Rumih Yosep, 18, pula mengalami kecederaan pada kaki kiri.

Ketua Polis Daerah Beluran, Deputy Superintendan Sivanathan Velautha berkata, sebelum kejadian, lori jenis Nissan itu dalam perjalanan dari daerah Sandakan menuju ke daerah Kota Marudu untuk menghantar minyak.

“Sebaik tiba di lokasi yang

berselekoh dan menuruni bukit, brek kenderaan berat itu dikatakan tidak berfungsi sehingga menyebabkan ia melanggar lereng bukit sebelum terbalik.

“Pemandu lori yang berasal dari Sandakan maut di tempat kejadian dipercayai tersepit manakala kelindan pula patah kaki kiri,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Sivanathan berkata, hasil pemeriksaan di tempat kejadian mendapati cuaca hujan ketika kemalangan berlaku.

“Pemandu dan penumpang tidak disyaki berada bawah pengaruh alkohol namun sampel darah akan diambil untuk tujuan analisis di Jabatan Kimia,” jelasnya.

Kes disiasat di bawah Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.



ANGGOTA bomba mengeluarkan mayat Nyuk Fook selepas lori yang dipandunya terbalik di Kilometer 150, Jalan Beluran-Paitan, Beluran semalam.